

Yusuf Taiyoob dahului senarai penerima pingat

21 individu dianugerah DGPN bawa gelaran Datuk Seri

Georgetown: Pengerusi Eksekutif syarikat Yusof Taiyoob Sdn Bhd, Datuk Seri Yusuf Taiyoob mendahului senarai 1,380 penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-73 Yang Dipertua Negeri, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Ahli perniagaan pembekal buah kurma itu akan menerima Darjah Panglima Pangkuan Negeri (DPPN) yang membawa gelaran Datuk Seri bersama Presiden Persatuan Industri Semikonduktor Malaysia (MSIA), Datuk Seri Wong Siew Hai dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif syarikat Takaful Malaysia, Datuk Seri Moha-

med Hassan Kamil.

Seramai 21 individu bakal di-anugerahkan Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang membawa gelaran Datuk Seri termasuk Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin; bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr Ahmad Jailani Muhamed Yunus; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) Datuk Seri Awang Adek Husin dan bekas Pakar Patologi Hospital Pulau Pinang, Prof Madya Datuk Dr Bhunpinder Singh yang ketika ini pensyarah patologi di sebuah kolej swasta di sini.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Ir Jaseni Maidinsa; Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Prof Datuk Ir Dr Kamal Nasharuddin Mustapha; Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Ir Mohamad Zulkefly Sulaiman dan bekas Datuk Bandar Maj-

lis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Datuk Sr Rozali Mohamad turut tersenarai sebagai penerima DGPN.

Ahmad Fuzi juga menganugerahkan pingat kepada 18 penerima bagi Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) dan 117 penerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk.

Penerima DMPN termasuk Pengerusi Majlis Klan Cina Pulau Pinang, Datuk Ang Cho Teing dan Pengerusi Pertubuhan Kesedaran Jenayah dan Keselamatan Awam (CCPSS) Pulau Pinang, Datuk Mohamad Anil Shah Abdullah.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (Pengurusan) Ahmad Rizal Mohd Hanapiah; Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr Ma'arof Sudin; bekas Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) Datuk Seri Subahan Kamal dan Duta Besar Malaysia ke Filipina, Norman Muhamad

menerima DSPN.

Wartawan terima DSPN

Seorang pengamal media iaitu wartawan kanan yang bertugas di Malaysiakini, S Aruldas turut tersenarai sebagai penerima pingat DSPN.

Terdahulu Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Law Choo Kiang pada sidang media berkata, seramai 107 individu menerima Darjah Johan Negeri; Bintang Cemerlang Negeri (19); Pingat Kelakuan Terpuji (197); Pingat Jasa Kebaktian (333); Pingat Jasa Masyarakat (536) dan Pingat Bakti Setia (29).

Beliau berkata, acara sambutan akan dimulakan dengan Istiadat Kawalan Kehormatan di Dataran Sri Pinang hari ini dan istiadat penganugerahan pula berlangsung selama empat hari di Dewan Sri Pinang bermula hari ini hingga Khamis ini.

"Istiadat kali ini juga menyaksikan jumlah penerima seramai 1,380 orang adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun sejak 2018 bagi Pulau Pinang," katanya.

BERNAMA



Yusuf Taiyoob